

Hasil-Hasil Peninjauan ke Republik China

Kedudukan Dan Tanggungjawab Orang Islam

Di Bawah Pemerintahan Komunis China

Penulis rencana ini ialah salah seorang daripada rombongan orang-orang Islam Indonesia yang telah dijemput melawat negeri China dan dibawa ke Sinkiang yang banyak penduduk-penduduk orang Islam China. Beliau di sini ialah salah seorang daripada 14 orang yang telah melawat ke sana dan apa yang dicakapkan oleh penulis adalah didasarkan semata-mata atas apa yang menjadi pandangannya dengan asas persaudaraan Islam. Sungguhpun ia bersama-sama rakannya telah mendapat sambutan sebegitu rupa dan istimewa namun dengan yang demikian sebagai seorang Islam ia tidak dapat menyembunyikan apa yang tersimpan di sebalik perasaan hatinya untuk menerangkan apa yang sebenarnya yang dipandangnya sangat perlu diketahui oleh orang-orang Islam terutamanya di Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia. Sesungguhnya kita berasa sangat bertuah mendapat keterangan yang jelas dan tepat seperti yang ditulis oleh penulis kita ini; dan marilah kita menatap bersama untuk mengetahui betapa dan bagaimana penanggungan saudara-saudara kita itu-P.

(oleh al-Mas'udi)

Jumlah Umat Islam

Pertanyaan yang mula-mula kami hadapkan di negeri Republik Rakyat China ialah berapa banyakkah jumlah umat Islam di sana masa sekarang. Setiap orang rasmi yang berhadapan dengan kami terutamanya lingkungan Perhimpunan China Islam di Peking mengatakan jumlah umat Islam di negeri China sekarang adalah 10,000,000 orang. Mendengar jawapan itu kami menyatakan kehairanan kerana menurut buku-buku dan rencana-rencana yang kita baca tentang umat Islam di negeri China, baik yang ditulis oleh penulis-penulis Perancis, Inggeris dan lain-lainnya, mahu pun yang dinyatakan atau yang ditulis oleh ulama-ulama dan pimpinan-pimpinan Islam China sendiri yang berkunjung ke Mesir, di antaranya Tuan Muhammad Makin

(yang sekarang menjadi Mahaguru Bahasa Arab di Universiti Peking), bahawa jumlah umat Islam di negeri China sebelum Perang Dunia Kedua berjumlah di antara 30 sampai 50 milion orang. Menjawab pendapat kami ini mereka menyatakan bahawa jumlah yang dahulu itu hanya kiraan-kiraan sahaja dan sememangnya sengaja dibesar-besarkan untuk menakuti kekuasaan atau Pemerintahan Chiang Kai Shek buat mengganggu umat Islam dan jumlah yang mereka nyatakan sekarang ini iaitu 10,000,000 orang berdasarkan kepada banci waktu pemilihan umum yang lalu. Ketika kami katakan bahawa boleh jadi kekurangan itu disebabkan akibat pembersihan ketika umat Islam melakukan perlawanan berkali-kali, mereka menjawab bahawa kekurangan disebabkan perlawanan itu

tidak seberapa.

Perbezaan-perbezaan yang jauh benar di antara dua macam keterangan itu menjadikan kemahuan kami menyelidikinya dengan saksama- Manakah yang benar, dan apakah sebabnya sekian banyak kekurangan umat Islam di negeri China, padahal jumlah penduduk orang China pada umumnya sentiasa bertambah; dan apakah kekurangan itu selain disebabkan penderitaan umat Islam selama kuasa Raja-raja dan kuasa Chiang Kai Shek, tidak juga akibat pembersihan kuasa Republik Rakyat China terhadap apa yang dinamakan mereka kaum Reaksioner Tuan Tanah dan sebagainya, yang tentunya ada juga umat Islam daripada mereka itu, dengan keputusan mahkamah rakyat atau mahkamah revolusioner? Bagaimana juga pun tentang lenyapnya sekian banyak umat Islam di negeri China itu, taruhlah angka pertengahan 20 juta, adalah satu perkara yang ghaib, yang tidak mudah diketahui orang luar dan untuk yang demikian itu menghendaki kepada penyelidikan-penyelidikan yang saksama.

Dahulu Tertindas Sekarang Bebas?

Pemberi-pemberi keterangan kepada kami di negeri China itu sentiasa mengatakan bahawa selama kekuasaan Chiang Kai Shek dan kaisar-kaisar China yang dahulu adalah umat Islam China itu tertindas; dan baharulah sesudah pembebasan Republik Rakyat China dan parti Kun Chan Tang (Parti Komunis China), umat Islam itu mendapat kebebasan.

Tetapi yang ditunjukkan kepada kami adalah sentiasa bangunan-bangunan masjid yang tua-tua yang telah seribu tahun yang lalu di Canton, dan ada yang enam atau tujuh ratus tahun yang lalu; walhasil semua masjid yang ditunjukkan kepada kami adalah masjid yang dibangunkan pada zaman sebelum berdiri negara Republik Rakyat China

dan tidak ada sebuah pun masjid yang didirikan pada zaman kekuasaan Komunis sekarang.

Ada sebuah masjid diperlihatkan kepada kami di Urumqi tetapi masjid itu bukan baharu didirikan – ia hanya diperbaiki atau diperbaharui – ertinya sudah semenjak mula hanya telah tua lalu diperbaharui dan katanya (kata juru bahasa) mendapat sokongan dari pemerintah Republik Rakyat China.

Alim ulama dan pemimpin-pemimpin Islam yang dijumpakan serta dikeluarkan dengan kami adalah orang tua-tua yang berumur 60 tahun ke atas sedikit berumur 35 tahun ke atas dan mereka itu banyak ilmu agamanya; beberapa orang di antaranya adalah keluaran Universiti al-Azhar. Semua mereka itu adalah timbulnya sebelum perang yang kedua dan sebelum Komunis berkuasa. Nyata ini bukanlah daripada buah tangan Republik Rakyat China sendiri.

Yang ada pada zaman Republik Rakyat China sekarang ini ialah Akademi Suku Bangsa Hui dalam pengetahuan umum dan Akademi Islam di Peking, yang dalamnya diajarkan agama Islam dan bahasa Arab oleh guru orang Cina Islam keluaran Mesir dan negara China sendiri, dan ditambah dengan doa orang guru yang didatangkan dari Mesir.

Tetapi beberapa persengkahan pelajaran Islam dan bahasa Arab yang diajarkan di dalamnya tidaklah kami ketahui kerana rencana pelajarannya semenjak kami datang di Peking diminta, sampai masa balik tidak juga diberikan kepada kami dan kami tidak pula diberi peluang menyaksikan guru-guru tatkala mereka sedang mengajar di dalam kelasnya. Selain dari itu di Universiti Peking diajarkan bahasa Arab sahaja, bukan agama Islam, oleh Muhammad Makin keluaran al-Azhar untuk keperluan pemerintah kepada pegawai

dan tenaga-tenaga yang boleh menjawab jawatan juru bahasa Arab.

Kami telah menanyakan: Masih adakah perhimpunan-perhimpunan Islam yang ada sebelum Perang Dunia Kedua seperti Perhimpunan Kemajuan Islam, Perhimpunan Pengetahuan Islam serta beberapa buah majalah Islam- kami sebutkan namanya daripada hasil bacaan kami- dan jawatan yang kami terima bahawa semuanya itu tidak ada lagi. Yang ada sekarang hanya satu pertubuhan Islam saja iaitu Perhimpunan Islam China (China Islamic Association) yang dipimpin oleh Nur Muhammad Ta Hi Tang di Peking. Pertubuhan ini tidak mempunyai majalah sendiri dan sekarang ini tidak sebuah majalah Islam pun yang ada di negeri China.

Jadi kalau dahulu pada zaman sebelum Republik Rakyat China, kaum Muslimin China ditindas pada hal masa itu mereka banyak menimbulkan ulama-ulama, mempunyai cabang-cabang yang bertaburan di sana-sini dan banyak mempunyai majalah-majalahnya tetapi sekarang tentulah tidak kurang tertindasnya dari dahulu kalau tidak boleh dikatakan lebih, dan keadaan umat Islam di China sekarang jauh lebih mundur dari keadaan sebelum pemerintahan Komunis.

Perhimpunan Islam di China semacam Ho Ko Kai

Menurut keterangan-keterangan yang diberi oleh pemimpin Perhimpunan Islam (Chinese Islamic Association) sendiri, sama ada dari Tuan Nur Muhammad dan lainnya, perhimpunan ini adalah didirikan sesudah pembebasan dan menjalankan politik melakukan program pembangunan negara Republik Rakyat China. Perhimpunan ini berpusat di Peking dan mempunyai cabang di bandar-bandar

dalam provinsi yang sebahagiannya sudah ada cabangnya dan sebahagiannya lagi masih di dalam persiapan.

Baik perhimpunan ini mahupun Wanita Islam di Urumqi ketika anggota-anggotanya ditanya, mereka menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai persatuan. Dari ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin yang sentiasa menggambarkan jasa-jasa pemerintah Komunis dan mengagung-agungkan ketuanya Mao Zedong dan sememangnya kami ketahui dalam diktator tidak lain dari itu, maka kami dapatlah menyimpulkan bahawa perhimpunan ini tidak lebih daripada sejenis alat dakyah Republik Rakyat China, sebagaimana juga keadaan atas Ho Ko Kai atas Masyumi pada zaman Jepun yang menjadi alat dakyah *dictatorship* Jepun. Kami ingat perhimpunan inilah rasminya yang menjemput ulama dan pemimpin-pemimpin parti dari Indonesia dan Pakistan yang mengurusnya, melayan, menerima dif semuanya ialah pegawai pemerintah Republik Rakyat China, juru-juru bahasanya semuanya pegawai pemerintah dan orang yang jadi tamu adalah diberi layanan serba mewah: baik tempat tinggalnya, kenderaannya, makanannya, minumannya dan sebagainya. Yang demikian akan menjadi mustahil semuanya keluar dari suku perhimpunan itu yang di dapat dari yuran umat Islam sebagaimana perhimpunan yang baharu beberapa tahun sahaja berdiri. Serupa sebagai Jawa Ho Ko Kai dengan Masyumi Jepun menjemput alim ulama ke Tokyo dahulu.

Perkara Islam Hampir-hampir Tidak Dicakapkan

Dalam tiap-tiap pertemuan, isi pidato rasmi dari pihak tuan rumah (pemimpin parti Islam China dan wakil pemerintah daerah) hanya berkisar pada menyatakan: ditindasnya umat Islam oleh kuasa-kuasa yang dahulu dan baharu, bebasnya umat Islam pada zaman sekarang ialah atas jasa parti Kun Chan Tang. Dan

kesudahan dari doanya *wa akhir da'wāhum* mereka memuji dan mendoakan ketuanya Mao Zedong. Harapan-harapan atau doa supaya kemajuan Islam lebih cepat dan pesat hampir tidak ada hanya ditambah ialah supaya hubungan antara Indonesia dengan China terutamanya umat Islam China dengan umat Islam Indonesia lebih erat lagi. Tentunya sambutan dari ketua dan rombongan Indonesia sama saja keadaannya. Yang demikian disertai lagi dengan pujian dan kenyataan kekaguman yang terkadang agak berlebih-lebihan pula. Syukurlah di dalam bercakap-cakap secara perseorangan pada waktu duduk rehat, makan, dan waktu bersalam-salaman berpisah diharapkan oleh pihak rombongan Islam di Indonesia supaya pemimpin Islam di China meramaikan masjid-masjid, memodenkan sistem-sistem pelajaran agama dan bahasa Quran, menimbulkan atau menghidupkan pelajaran-pelajaran dan pemuda-pemuda sebagai calon Islam, menggiatkan tuntutan ilmu umum di samping ilmu agama dan berusaha menduduki berbagai-bagai pimpinan di dalam lapangan hidup. Sampai di mana pengaruhnya cakap-cakap itu entahlah - mudah-mudahan sahaja ada hasilnya.

Haji Melalui Peking

Ketika bercakap-cakap dengan alim ulama yang tua-tua yang kebetulan dapat duduk terpencil di hotel negara di Urumqi, mereka mengatakan bahawa dahulu sebelum pembebasan ertinya sebelum Komunis, lebih banyak umat Islam mengerjakan haji. Perjalanan mereka itu masa itu melewati Kashmir, tetapi sekarang barang siapa yang akan pergi haji hendaklah ia lewat Peking. Waktu kita doakan mudah-mudahan jumlah jemaah haji? Dari negeri China akan bertambah-tambah banyaknya dengan senyum yang banyak ertinya: "Itulah yang kami harapkan"

seolah-olah kata mereka.

Zakat, Haji Dan Waqaf Hapus

Yang dapat berzakat ialah orang yang mempunyai kekayaan sampai nisab dan haulnya. Yang dapat mengerjakan haji, apalagi bagi orang Islam di negeri itu tentulah orang yang kaya. Yang dapat berwakaf tentulah orang yang mempunyai harta tetap yang berupa tanah bangunan dan sebagainya.

Pada hal di dalam pemerintahan Komunisme baik yang di negara Republik Rakyat China apa lagi yang ada di Rusia, sekarang telah menginjak taraf *collectivisme* (semangat persamaan) *socialisme* dan akhirnya taraf Komunisme. Pedagang-pedagang umum akan dilenyapkan, sekarang sedang dikurangi dan diganti dengan toko-toko negara sedang pedagang-pedagang itu sendiri menjadi buruhnya. Petani-petani perseorangan tanahnya dimasukkan di dalam kerjasama *collective* yang akhirnya menjadi milik negara dan tani tadi balik menjadi buruh yang mendapat sebahagian dari tanahnya untuk diri dan keluarganya, selebihnya dimasukan kepada kedai kerjasama atau gudang negara.

Pengusaha-pengusaha perseorangan yang disatukan perusahaannya jadi perusahaan kerjasama lalu meningkat jadi perusahaan sempurna dengan pemerintah akhirnya jadi perusahaan negara di dalaman pengusaha tadi menjadi pegawai dan buruhnya. Dan memang nyata bahawa kedai-kedai *particular* (umum) agak sepi, jauh terkebelakang dari kedai-kedai negara.

Alat-alat pengangkutan awam seperti beca, kereta, jauh terkebelakang dari pengangkutan pemerintah. Sedang kenderaan bermotor telah menjadi perusahaan pemerintah seluruhnya. Manakah lagi tempat penghasilan yang membolehkan orang Islam itu mencari kekayaan sehingga ia dapat berzakat, berwakaf apa lagi pergi menunaikan haji

-sambungannya pada muka 47.

Hasil-hasil Peninjauan ke Republik China

-sambungan dari muka tambahan 4

itulah sebabnya kalau ada jemaah dari negara Republik Rakyat China selain dari jumlahnya sedikit, mereka bukan pergi haji dengan ongkos atau belanja daripada kekayaan sendiri tetapi adalah dengan ongkos dan perbelanjaan pemerintah.

Kerana itu kami dapat mengambil kesimpulan, sesudah melihat sendiri akan sistem ekonomi di negara Republik China, bahawa dua rukun Islam iaitu zakat dan haji dengan sendirinya, dengan cara automatis dan praktis, tidak dapat dilaksanakan oleh umat Islam di negeri China. Jadi walaupun rasmi, secara persuratannya atau secara undang-undangnya pemerintah China tidak menghalangi golongan-golongan agama menjalankan agamanya, umat Islam boleh melakukan atau menjalankan agamanya tetapi kenyataannya, susunan rancangannya, susunan ekonomi komunis – sosialis – kolektif itu sendiri adalah membawa kepada hapusnya zakat, haji dan waqaf dalam amalannya.

Itulah sebabnya ketika ada di antara kita yang bertanya tentang nisab waqaf umat Islam maka jawabnya didapati hanya samar-samar, hanya dikatakan bahawa pemerintah menghormati waqaf-waqaf itu. Tetapi bukti yang konkrit tidak dijumpai dan kerana itulah kami meminta perhatian kepada Perhimpunan Islam China supaya menguatkan soal ini.

Hanya Iktikad, Ibadat, *Munakahat*

Sebagaimana biasanya umat Islam yang menjadi umat minoriti di tengah-tengah umat majoriti yang bukan Islam seperti halnya di tanah Batak maka di negeri China pun mereka (orang-orang Islam) sangat kukuh berpegang kepada keislamannya – tidak sahaja iktikad, ibadat, tetapi bahagian soal makanan dan soal perkahwinan. Mereka sangat

kukuh memegang ke-Islamannya sehingga tidak ada orang-orang Islam yang kahwin dengan orang-orang yang bukan Islam baik lelaki apa lagi perempuannya. Demikian pula di mana-mana ada restoran-restoran yang khusus bagi orang-orang Islam iaitu restoran Islam.

Tiap-tiap orang lelaki Islam memakai songkok haji dan wanita Islam memakai kudung yang berbentuk sebagai telekung (amanah) berjahit di dagu tetapi pendek sampai hijab dan sesuai tidak menghalangi untuk bergerak cepat dan tidak panas buat badan. Mereka hidup merupakan perkampungan sendiri di sekitar masjid iaitu sebagai orang-orang Deokman di Tanah Jawa.

Dari Merdeka Jadi Buruh

Pada mulanya bahkan semenjak datangnya agama Islam di negeri China pendokong-pendokong Islam adalah terdiri dari kaum saudagar, pedagang, pengembala ternak dan petani merdeka. Mereka hidup merdeka – jarang yang menjadi buruh atau pegawai. Baik kerana mereka tidak disukai oleh pemerintah yang lalu mahu pun kerana mereka sendiri lebih suka berusaha merdeka, tidaklah menjadi sebab. Sampai sekarang masih kita lihat sisa-sisanya kedai-kedai dan perusahaan-perusahaan merdeka kepunyaan orang-orang Islam di China. Tetapi dengan politik komunis yang mengkolektifkan segala perdagangan, toko (kedai), segala perusahaan, segala pertanian dan akhirnya dihimpun dan dikumpulkan maka akibatnya sekarang telah nampak kedai-kedai mereka tidak banyak berisi lagi, makin sunyi digantikan kedai-kedai negara atau kedai-kedai syarikat. Begitulah kalau tuan rumah mengatakan kebiasaannya bahawa sekarang sudah banyak orang-orang Islam yang menjadi buruh di kilang sebaliknya saya merasa itu juga merupakan satu langkah mundur bagi umat Islam, kerana biasanya kalau sudah jadi buruh tambah sukar

akan dapat berzakat apalagi ke haji kerana sebagai buruh tentu sebagai kata pepatah “umur panjang rezeki diagakkan” jadi dapat dijangka sendiri dengan adanya langkah kolektif, sosial dan komunis orang-orang Islam yang umumnya hidup sebagai saudagar, pengusaha, penternak, mereka telah menjadi korban yang utama.

Kuat Iman Ilmu Kurang

Di samping kekuatan iman dan kesabaran bertahan sepanjang ratusan tahun sebagai umat yang bercorak sendiri di tengah-tengah lautan umat Cina yang bukan Islam di bawah pemerintahan raja-raja, kaisar-kaisar, dan republik-republik yang bukan Islam (baik feudal, borjuis, kapitalis, mahu pun komunis) di daerah yang terpencil jauh dan terkongkong adalah menjadi hal yang sangat kita harga dan banggakan tetapi tingkat pengetahuan mereka umumnya rendah. Mereka dipimpin oleh imam-imam yang dinamakan “ahong” yang menjadi imam sembahyang dibantu dengan setiapnya bilal dan pengurus masjid serta guru-guru agama. Mereka ini selain memimpin sembahyang dan upacara agama juga mengahwinkan dan menyelesaikan perselisihan suami isteri dan mengajar murid-murid sendirinya. Di samping tiap-tiap masjid ada ruangan-ruangan tempat mengajar mengaji dan tempat pondok murid-murid. Melihat kitab-kitab yang diajar dan pembacaan murid yang diperdengarkan ternyata mereka masih memakai sistem pondok atau pesantren atau pengajian di surau sebagaimana berlaku di negeri kita 50 tahun yang lalu. Yang memakai sistem madrasah baharu di Akademi Islam dan madrasah Islam di Peking. Inipun baharu dalam tingkat permulaan sahaja. Pembacaan sedikit benar yang fasih Arabnya, umumnya azannya, khutbahnya, doanya walau pun dalam bahasa Arab tetapi hampir tidak berbunyi bahasa Arab. Ulamanya, umumnya, tidak dapat menggunakan bahasa Arab dalam percakapannya.

Tetapi mereka cukup mengerti. Satu dua dapat berbahasa Arab seperti *Amīn Mashūn* di Urumqi. Dan ada yang mempunyai karangannya sendiri iaitu Imam Nūr al-Dīn Ma Cu Yin di Urumqi. Yang ada keluaran Azhar, seperti Muhammad Makin, Sulaiman Chin. Dan Muhammad Tawaduk, (kawan al-Marhūm Tuan Ismail Benda) sudah tentu mahir berbahasa Arab.

Khutbah di Sian dan di Urumqi hanya berwujud Alhamdulillah dan selawat dan salam kepada Nabi dan sahabat-sahabat Nabi – tidak pakai wasiat dan nasihat. Sedangkan di Mukden hanya membaca al-Fatihah sahaja tidak ada wasiat dan nasihatnya. Yang demikian itu boleh jadi mengambil batas sekurang-kurang khutbah dari mazhab mereka iaitu Hanafī. Atau boleh jadi juga takut dari pemerintah seperti pada zaman kita pada zaman Jepun dahulu. Hanya di Sian sebelum dimulai sembahyang hari raya imamnya sendiri memberikan penerangan tentang hikmah dan hukumnya puasa, zakat fitrah, Aidilfitri dan berkenaannya dalam bahasa Cina mengganti khutbah negeri kita. Kemudian khutbah eidnya sendiri dalam bahasa Arab dan singkat benar sedang bahasa Arabnya tidak benar bunyinya. Itulah sebabnya dalam bercakap-cakap kami selalu menganjurkan mereka supaya memajukan pengetahuan Islam dan bahasa al-Quran dengan memakai cara yang moden, supaya mudah dan cepat hasilnya.

“Saya Bukan Komunis Tetapi Muslim”

Beberapa orang besar di Urumqi, waktu kami tanyakan apakah saudara menjadi anggota Parti Komunis, maka dengan tepat dan agak keras mereka membantah “saya bukan Komunis, tetapi Muslim”. Ketika kami pancing: Kerana menurut saudara-saudara parti Koo Chan tak banyak jasanya kepada Islam dan umat Islam, maka adakah banyak orang Islam yang masuk Parti Komunis” Pertanyaan itu membuat mereka

gugup dan ada suara yang membisikkan ke telinga

saya bahawa pertanyaan itu menyulitkan mereka – akan

mereka jawab – ia, komunis kafir pada

anggapan mereka; akan mereka jawab tidak,

kedudukan mereka sulit berhadapan dengan parti

komunis dan pemerintah mereka.

Begitu juga waktu kami tanya – apakah pernah dalam sejarah Sinkiang yang di mana Sinkiang mengalami masa sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat? Pertanyaan ini juga menimbulkan ribut di dalam kalangan penjawab-penjawab itu sedang juru bahasanya menyatakan kepada kita “Pertanyaan saudara tidak dapat dijawab kerana itu bersifat politik, bukan soal agama”. Sedang saya sendiri mendapat teguran dari kanan kiri pihak kami mengapa pertanyaan yang sedemikian itu dikemukakan bahkan ada di antara golongan kami yang marah dengan berkata “Apa saudara datang ke sini sebagai pengintip rahsia (spy)?” Saya menjawab mereka itu dengan terang-terang: “Ya, saya (spy) Islam, Allah dan rasul-Nya.”

Hadiah Perhimpunan Islam Buku Komunis!

Pada malam perpisahan kami telah diberi hadiah-hadiah oleh Perhimpunan China (Chinese Islāmiyyah Association) iaitu berupa Quran al-Karīm yang dicetak di Shanghai dengan rupa yang baik dan selain daripada hadiah Quran itu kami diberi hadiah buku-buku propaganda komunis dan negara Republik China. Sedang anggaran dasar Perhimpunan Islam China yang kami minta dan rencana pelajaran akademi Islam tidak ada di dalam buku-buku yang dihadihkan kepada kami. Pada kulit al-Quran itu ditulis bahawa al-Quran itu diterbitkan oleh “al-Jama‘iyyah al-islāmiyyah al-ṣīniyyah” iaitu Perhimpunan Islam China. Kata mereka penerbitan itu atas bantuan pemerintah republik rakyat China.

Adat Pergaulan Am

Melihat pakaian lelaki dan wanita memang nampaknya kesosialan dalam berpakaian itu terpelihara. Demikian pula gambar diiklan-iklan tidak ada yang membangkitkan kehendak lelapuan (sex appeal) seperti yang kita lihat di Hong Kong, Singapura dan Indonesia. Begitu pula gerak geri penari serta filem-filemnya yang tidak ada menjolok mata. Tetapi sayang pada hari perayaan 1 Mei yang lalu 500 peha telanjang dari gadis ditontonkan di dalam barisan-barisan raya. Begitu juga di kelab-kelab buruh, hotel-hotel, di *park-park* secara tertutup dan terbuka beratus pemuda dan pemudi berdansa densi cara Barat.

Dalam kebun-kebun bunga yang luas itu ada bangku-bangku dikelilingi oleh pandangan alam yang romantik, bunga-bunga yang kembang semerbak baunya, taman-taman dan air kolam yang berombak-ombak kecil. Di bawah sinaran antara gelap dengan terang kelihatan beratus-ratus pasangan pria dan wanita setiap malam sejak matahari terbenam sampai jauh tengah malam, bercumbu-cumbuan, berpeluk-pelukan, bercium-ciuman, wallāhu a’lam.

Peristiwa yang tidak sesuai dengan kesosialan pakaian lukisan serta tarian itu kita kemukakan dengan berterus-terang kepada saudara Sulaiman Chang, sambil menyatakan kekhuatiran kita bahawa pada akhirnya nanti akan mengambil juga adat istiadat Barat dan akan terjerumus juga ke jurang yang mereka kritik selama ini terhadap kepada kaum reaksionar, kapitalisme dan borjuis, sebagai kenyataan nubuwah Muhammad, bahawa umat yang menggantikan umat yang terdahulu akan terjerumus juga sebagai umat yang terdahulu, akan jerumus juga meniru-niru umat yang terdahulu hingga umat yang terdahulu berzina di tengah jalan nanti akan melacurkan diri mereka

di tengah jalan pula. Ianya menjawab “Itu soal cinta. Dan dalam hal cinta, menurut pandangan komunis, orang merdeka dan bebas melakukannya asalkan tidak ada paksaan dan pemerasan di dalamnya.”

Persamaan Wanita Dengan Pria

Ketika kita melihat-lihat buruh wanita yang bekerja di kilang-kilang galian dan besi, pihak tuan rumah mengatakan dengan perasaan yang bangga “Itulah buktinya kami mempersamakan hak wanita dan pria” dengan setengah menyindir kami menjawab “Buat saya sebagai lelaki, memang paling senang kalau perempuan bekerja di luar rumah seperti ini.” Entah ia mengerti sindiran saya itu saya tak tahu tetapi ia tidak membalas lagi.

Dan sememangnya di mana-mana dapat dilihat wanita bekerja lain daripada kerja yang agak ringan juga yang terutama ada banyak di antara mereka yang bekerja berat seperti yang menjadi kuli menumbuk batu, memperbaiki jalan raya-jalan raya, menarik kereta-kereta barang yang beroda besi dan memuat dan memunggah besi sambil mendukung anak-anak kecilnya dipangung mereka.

Dalam hati saya bersyukur kepada Allah Subhanahu wa ta’ala bahawa wanita kita dan wanita-wanita di negeri-negeri Islam lainnya yang katanya masih kolot dan mundur belum bernasib sedemikian itu buruknya. Apakah nasib wanita yang demikian pernah disaksikan oleh Rangkayu Rosana Said dan Nyonya Aruji Kartawinata waktu mereka meninjau ke negara republik rakyat China itu – wallāhu a’lam. Kalau kemerdekaan yang sampai sekian jauhnya dikehendaki oleh wanita Indonesia tunggulah nanti akibat-akibat dan keburukan yang terbit daripadanya.

Kaum Buruh Jadi Anak Emas

Rakyat Jelata Tetap Melarat

Tentang kaum buruh kepada kami dinyatakan bahawa gaji mereka serendah-rendahnya 40 yuan dan setinggi-tingginya 160 yuan sebulan. Seorang buruh bujang bayar makan di restoran kira-kira 11 yuan sahaja sebulan. Buat buruh di sediakan perumahan buruh masing-masing mendapat satu bilik yang luasnya 3×4 atau 4×4 meter, cukup dengan berkamar mandi dan dapur bersama atau pun bersendirian, bilik-bilik itu bersusun dalam bangunan yang bertingkat 4 atau 5. Dalam lingkungan perumahan buruh terdapat kedai negara atau kedai syarikat kerjasama, padang olahraga, tempat mengamanahkan kanak-kanak selama bekerja, klinik, gedung kesenian, taman bacaan dan sebagainya.

Buruh wanita yang melahirkan anak mendapat sokongan dari syarikat buruh, demikian juga yang mendapat kecelakaan, yang tua dapat pencen. Yang hendak berpencen di kampungnya boleh, yang hendak tinggal di rumah asrama pencen pun boleh dengan mendapat segala rawatannya.

Tetapi buruh itu sendiri, walaupun dalam kedai-kedai syarikat kerjasama banyak didapati aneka warna cita, sutera, kain-kain yang indah tetapi yang kita lihat mereka hanya berpakaian baju dan seluar kain cita yang kebiru-biruan. Potongan sahaja yang sama dengan potongan baju ketua mereka Mao Zetong tetapi bahannya berbeza – kasar dan murah. Lelaki dan wanita sama pakaiannya.

Tatkala ditanyakan apakah kaum buruh itu ada yang memakai cita-cita yang dijual di kedai-kedai itu jawab di luar jam bekerja. Yang dapat kami lihat di luar pekerjaan pun pakaian mereka-mereka itu sahaja. Kalau yang bukan buruh seperti penarik beca – becanya sudah tua buruk rodanya dari getah mati, tukang becanya

berbaju seribu tampal. Kita lihat kuli-kulinya atau gerobak penarik barang, atau pengayuh-pengayuh sampan di sungai, pakaian mereka, makanan mereka dan rumah mereka di pinggir-pinggir jalan dalam kota dan di luar kota masih menyedihkan. Kesimpulannya rakyat jelata, rakyat murba, tani kecil, pedagang kecil, pengangkut dan sebagainya selain kaum buruh nasibnya serupa sahaja. Kadang-kadang nasib rakan mereka di Indonesia lebih baik dari di negeri China.

Pembangunan Hebat Dengan Penjagaan Tentera

Pembangunan mereka sememangnya secara hebat, kilang-kilang berjalan siang malam. Buruh-buruhnya bergilir – rombongan demi rombongan. Penghasilannya memuncak, terutamanya menurut pengakuan mereka. Tetapi harus diingat bahawa di pintu tiap-tiap kilang itu ada pengawal yang bersenjata lengkap. Apa tugasnya? Katanya menjaga kemungkinan sabotaj dari kaum reaksionar Shang Kay Syik.

Tetapi pengertian orang dalam ilmu jiwa dapat mengerti semuanya itu disengaja atau tidak langsung, adalah merupakan tekanan paksaan halus kepada kaum buruh.

Bukankah di tiap-tiap negara komunis mogok dilarang dan diancam akan ditembak dengan tuduhan-tuduhan reaksionar, kakitangan borjuis, kapitalis dan sebagainya.

Kalau di Indonesia mahu membangun secara besaran-besaran begitu boleh juga dengan mengadakan larangan pemogokan, basmi sabotaj dari Parti Komunis Indonesia dan letakkan tentera di tiap-tiap perusahaan pembangunan negara. Untung rugi tahulah sendiri.

Orang-Orang Istimewa! Borjuis Baharu

Daripada layanan yang mewah, yang berlebih-lebihan terhadap rombongan kami dapatlah disimpulkan bahawa

keistimewaan (elite) lama pergi, keistimewaan baharu

timbul: Borjuis Shang pergi borjuis Mao

datang. Rupanya sunnatullāh, kehendak alam “wa lan tajid

lisunnatillāhi tabdilā ” maksudnya tidak akan engkau dapati

dalam peraturan Tuhan itu tukar ganti. Sunnatullāh

tidak akan berubah, hotel serba besar, bilik-biliknya

besar, tilamnya tebal, beralas baldi begitu pula

selimutnya. Makanan berpuluh-puluh macam dihidangkan, kuih

beraneka warna. Di mana-mana kerusi dif beralaskan

baldi. Di stesen kereta api, di lapangan kapal terbang, di rumah

perdana menteri, di gedung-gedung kesenian semuanya begitu.

Ini tentunya tidak untuk tamu-tamu luar negeri sahaja –

berapalah tamu itu. Di samping itu digunakan oleh

pembesar-pembesar, pemimpin dalam negeri. Mungkin orang

akan berkata di Indonesia hampir begitu juga?

Jawab kita: Tetapi mereka kaum komunis yang

meneriakan persamaan sama rata sama rasa. Kenyataannya

pemimpin komunis, kakitangan komunis

di Republik Rakyat China menggantikan kerusi-kerusi tempat

peninggalan kekuasaan Shiang Kay Syik. Namanya saja

yang lain – dahulu borjuis nasionalisme kini

borjuis komunis. Dulu keistimewaan

kapitalisme kini keistimewaan buruh. Hanya namanya

saja berlainan – Apakah nama itu?

Kesimpulan

Daripada apa yang kami lihat, dengar dan saksikan

itu sekalipun sangat terbatas oleh masa, peluang,

kesulitan bahasa, tulisan dan terjemahan maka kami

dapati:

- (1) Yang ada di Republik Rakyat China bukanlah ia kebiasaan agama dalam erti sepenuhnya, tetapi, hanya kebolehan beriktikad dan beribadat dalam

batas-batas yang tidak bertentangan dengan ideologi dan program pembangunan Republik Rakyat China. Kesempatan atau kelonggaran ini oleh Shua Eng Lai dijelaskan dengan pengantar kata bahawa keadaan perimbangan ekonomi (tanah yang subur didiami oleh kaum beragama terutama Islam) dengan tidak di rasa telah membukakan kunci rahsia. Kalau perimbangan ekonomi berubah maka politik agama yang dianut sekarang bukan pula berubah?....

(2) Ia bagaimanapun jua bagi umat Islam di negeri China kesempatan yang sekali ini, sekalipun sangat sempitnya, harus digunakan sebaik-baiknya untuk mengajar kelemahan-kelemahan dan ketinggalan umat Islam dari golongan-golongan lain dengan segala kebijaksanaan yang boleh didapati.

(3) Politik "kelonggaran" ini sekarang digunakan sebagai taktik tetapi kerana ternyata

gagalnya komunis Rusia selama tiga puluh lima tahun melenyapkan agama bermakna satu pengakuan akan kukuhnya agama dalam jiwa manusia dan tidak mustahil di belakang hari nanti jadi dasar yang bererti perkhianatan kepada ajaran mereka sendiri demi untuk keperluan bangsa dan kekukuhan negaranya.

(4) Kalau hubungan umat Islam China khususnya rakyat China umumnya dunia luar China, selain Rusia dan rakan-rakannya, maka pandangan-pandangan baharu akan mempengaruhi alam fikiran dan jiwa rakyat China sehingga setengah kezaliman yang dasarnya sedap sekali ini dibandingkan dengan kezaliman sebelumnya, akan tidak memuaskan mereka sehingga mereka menghajatkan kebiasaan kemerdekaan dan demokrasi sejati sebagai di negeri-negeri demokrasi lainnya.

Jakarta, 12 jun 1956

Potong Di sini

MENDAFTARLAH MENJADI ANGGOTA STAR FAN COMBINE

Isilah borang ini dengan seberapa terang kemudian potonglah mengikut garis tepi dan kirimkanlah seberapa segera pada:

STAR FAN COMBINE

P.O. Box 1036, Singapore, 1

Pengerusi S.F.C.

Tolonglah daftarkan nama saya sebagai berikut untuk menjadi keluarga atau anggota star fan combine.

Nama..... Lelaki/perempuan

Alamat.....

Umur..... Tahun Bangsa..... Pekerjaan.....

Tarikh..... Tandatangan.....

(Tulislah dengan seberapa terang dan sertakan wang pendaftaran \$2.00 bersama).

.....Potong di sini.....